

Headline	SPNB lancar talian KoMesra		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	05 May 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,191
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,572



SPNB lancar talian KoMesra

Babitkan 52,000 pemilik Rumah Mesra Rakyat seluruh negara



Sekitar Majlis Pelancaran Talian Komuniti RMR1M (KoMesra) dan Penyerahan Sijil Kelayakan Subsidi & Inden Kerja RMR1M peringkat Parlimen Jerlun.

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

ALORSETAR - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melancarkan Talian Komuniti Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) atau dipanggil KoMesra bagi memantapkan hubungan serta memperkemas penyaluran informasi kepada kesemua 52,000 penerima Rumah Mesra Rakyat seluruh negara.

Pengerusinya, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, talian ini dirangka dengan mudah di mana setiap pemohon yang berjaya dan pemilik dimasukkan ke dalam kumpulan kecil mengikut kawasan parlimen masing-masing.

Menurutnya, langkah proaktif itu diambil bagi memastikan perhubungan di antara SPNB, pimpinan masyarakat dan kesemua pelanggan di sekitar kawasan parlimen dapat berhubung antara satu sama lain dan menyampaikan segala masalah yang timbul berkaitan RMR1M.

"Pada masa ini, 94 peratus dari pemohon yang berjaya dan telah mendiami rumah masing-masing meluaskan ansuran bulanan mengikut jadual manakala baki enam peratus lagi terdapat kelewatan dalam ansuran.

"Jadi kita adaptasi sistem yang sekian lama diguna pakai oleh Amanah Ikhtiar Malaysia di mana



Othman ketika menyerahkan Sijil Kelayakan Subsidi & Inden Kerja RMR1M peringkat Parlimen Jerlun.

pegawainya sentiasa berhubung rapat dengan pelanggan dan mengenal pasti setiap masalah yang timbul serta menanganinya dengan berkesan.

"Kita lancarkan aplikasi baru ini yang akan membabitkan kesemua 52,000 penerima RMR1M sedia ada," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Komuniti RMR1M (KoMesra) dan Penyerahan Sijil Kelayakan Subsidi dan Inden Kerja RMR1M Peringkat Parlimen Jerlun baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Othman Aziz; Ketua

Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali; Lembaga Pengarah SPNB Mesra, Datuk Asmadi Abu Talib dan Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Mesra, Wan Azlan Wan Abdul Rahman.

Jelasnya, talian komuniti itu akan menggunakan aplikasi *WhatsApp* yang begitu sinonim dengan penduduk negeri ini.

"Kita minta agar semua penerima RMR1M menggunakan sepenuhnya talian tersebut untuk berkomunikasi dengan pemimpin dan pihak SPNB sendiri," katanya.

Sementara itu, SPNB telah membina 4,628 unit RMR1M di negeri



Othman (tengah) dan Abdul Latiff (kanan) ketika merasmikan majlis berkenaan.



SPNB mengharapkan 52,000 penerima RMR1M memanfaatkan Talian KoMesra bagi memantapkan hubungan serta memperkemas penyaluran informasi.



Talian KoMesra yang dilancarkan membabitkan kesemua pemilik Rumah Mesra Rakyat seluruh negara.

Kedah sejak ditubuhkan manakala 513 unit sedang dalam pembinaan sementara 585 unit lagi sedang dalam peringkat menandatangani dokumen perjanjian.

Di peringkat Parlimen Jerlun pula, sebanyak 403 unit telah siap dibina, 33 unit sedang dalam pembinaan manakala 29 unit lagi sedang dalam proses perjanjian.